

Peranan dan Kedudukan Institusi Masjid Dalam Masyarakat

PENDAHULUAN

Masjid adalah lambang syiar Islam dan kedaulatannya juga merupakan pusat yang menghubungkan antara hamba dengan Penciptanya. Pembinaannya menunjukkan masjid mempunyai peranan yang besar dan agung bagi umat Islam.

Masjid bukan sahaja pusat ibadah khusus seperti sembahyang dan i'tikaf tetapi mempunyai peranan yang lebih luas. Bahkan di suatu ketika dahulu masjid pernah menjadi pusat kebudayaan, muamalat serta dakwah Islamiah, dan pusat aktiviti kebajikan dan pendidikan umat Islam.

Sebelum kita mengupas bagaimana masjid dapat memainkan peranan di dalam membentuk masyarakat Islam pada hari ini, saya ingin menyentuh sedikit mengenai peranan masjid di zaman Rasullah s.a.w. terlebih dahulu.

PERANAN MASJID DI ZAMAN RASULULLAH

Pada zaman Rasulullah s.a.w, kemajuan umat dan gerakan Islam semuanya bermula dari masjid. Masjid telah dijadikan sebagai tempat untuk berkumpul, berbincang dan merancang strategi dan tidak terbatas hanya di bidang dakwah, bahkan perdagangan, perundangan, penyebaran ilmu dan pelbagai lagi.

Setelah Rasulullah s.a.w berhijrah di Madinah, perkara pertama yang dilakukan oleh baginda ialah mendirikan sebuah masjid ('Masjid Quba') untuk dijadikan tempat ibadah dan pusat kegiatan Islam. Masjid ini adalah masjid pertama pada zaman awal perkembangan agama Islam.

Setelah baginda Rasulullah s.a.w. tiba di Madinah, baginda telah mengambil beberapa langkah yang berkesan untuk mewujudkan perpaduan yang kukuh di kalangan penduduk Islam di Madinah. Antara langkah-langkah segera yang diambil oleh Rasulullah s.a.w. ialah mendirikan masjid (yang terkenal dengan nama "Masjid Nabawi") dan bermula dari sinilah terpancaranya cahaya Islam, pancaran ilmu, keharmonian, ihsan dan ketinggian akhlak umat Islam di seluruh pelusuk dunia.

Di samping itu baginda telah menjadikan masjid sebagai pusat ibadat, pusat pemerintahan dan pentadbiran negara, nadi gerakan Islam dan penggerak kegiatan masyarakat, tempat menuntut hak dan keadilan, pusat kebajikan, gedung ilmu serta pusat hubungan dengan Allah dan manusia sesama manusia.

Oleh yang demikian fungsi masjid ketika itu amat besar dan ketara sekali. Ia melambangkan panduan dalam urusan dunia dan akhirat. Kesempurnaan Islam sebagai ad-Din telah berjaya digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. melalui peranan dan fungsi masjid ini.

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَةَ وَلَمْ يَخْشِ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَى أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ
التوبه: 18

"Yang memakmurkan masjid-masjid Allah hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta tetap mendirikan solat, dan menunaikan zakat dan tidak takut kepada siapa pun selain kepada Allah maka mereka lah orang-orang yang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat petunjuk."

(At-Taubah: 18)

PERANAN MASJID MASA KINI

Apabila kita menyebut perkataan masjid, maka spontan di fikiran kita terbayang tempat umat Islam bersembahyang jemaah dan sembahyang Jumaat, diadakan

kelas-kelas fardhu ain, ceramah dan syarahan agama terutama sempena menyambut perayaan hari-hari kebesaran Islam seperti Maulidur Rasul, Hijrah, Israk dan Mikraj, Solat Tarawih dan lain-lainnya.

Kebanyakkan masjid kini, dibina dengan bentuk senibina yang indah dan menarik, alat-alat kelengkapan yang sempurna, lengkap dengan hamparan permaidani yang indah, dihiasi ukiran dan tulisan ayat-ayat al-Quran dan hadith Rasulullah s.a.w. di dalamnya.

Sebenarnya, kejayaan sesebuah masjid itu bergantung kepada sejauh manakah peranan dan fungsi yang telah dijalankan olehnya lebih-lebih lagi jika masjid ini dapat menarik masyarakat Islam disekelilingnya untuk beribadah dan menggunakan masjid tersebut untuk kebaikan masyarakat itu sendiri.

Antara peranan yang perlu dilakukan oleh masjid untuk masyarakat cemerlang ialah:

1 - Menyusun Struktur Kerja Masjid

Salah satu ciri kejayaan sesebuah masjid untuk menjadi pusat pentadbiran dan perkembangan masyarakat Islam adalah terletak pada struktur kerja masjid itu sendiri. Jawatankuasa kerja yang dinamik dan berkelibrar akan dapat merancang dan mentadbirkan masjid dengan baik.

2 - Imam Yang Ideal

Imam masjid bertanggung-jawab terhadap aktiviti dan kreativitinya untuk menghidupkan ruh Islam di masjid dan jamaahnya. Oleh itu, kedudukan imam dalam struktur masjid semestinya seajar dan seiring dengan Jawatankuasa pentadbir masjid agar hubungan pentadbir dan imam mempunyai hubungan kordinatif yang saling bekerjasama dalam mentadbirkan kegiatan masjid hingga berjaya.

Imam masjid mempunyai kedudukan, peranan dan fungsi yang sangat penting, bukan sahaja berupaya memakmurkan masjid itu sendiri, bahkan mampu

membina, mengembang dan memajukan masyarakat Islam yang merupakan jamaah masjid. Oleh itu imam masjid perlulah mempunyai pengetahuan dan wawasan yang luas serta mampu menyelesaikan masaalah kemasyarakatan dengan sebaik mungkin.

3 - Menyatukan Umat Islam

Sebagai imam masjid, Rasulullah s.a.w amat mementingkan semangat bersatu padu dikalangan para sahabatnya. Apabila terdapat perbezaan pendapat di kalangan para sahabat, Rasulullah menanganinya secara kolektif dan telus. Dan sekiranya para sahabat mempunyai idea dan pendapat yang baru yang tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam, maka Rasulullah s.a.w mengalu-alukannya. Tujuan ini adalah untuk mewujudkan kesatuan dikalangan para sahabat dan para pengikut mereka.

Manakala peranan imam dan pentadbir pada masa kini seharusnya bertujuan untuk memperkuuh dan menyatu-padukan umat Islam, samada dikalangan para jamaah di bawah pimpinannya mahupun di kalangan pentadbir dan jamaah masjid. Ini bererti imam masjid hendaklah bersikap terbuka dalam menangani pertantangan atau perbezaan pendapat di kalangan jamaah atau orang ramai.

4 - Menghidupkan Semangat Musyawarah

Masjid adalah tempat untuk bermusyawarah, bukan sahaja di antara para pentadbir dengan jawatankuasanya, juga pentadbir dengan jamaahnya, bahkan di antara sesama jamaah. Imam masjid atau pentadbir hendaklah bermusyawarah untuk mendapatkan penyelesaian di dalam sesuatu masalah atau pertikaian yang dihadapi. Apa jua perancangan atau projek baru yang bertujuan untuk meninggikan syiar Islam dan menghidupkan semangat keislamanan perlulah dibincangkan bersama.

5 - Memperkuuh Aqidah Umat

Dalam kehidupan sekarang yang penuh dengan cabaran dan tentangan, umat Islam amat perlu memperkuatkan akidah supaya tidak terpengaruh dan terjerumus dari unsur-unsur negatif. Benteng aqidah ini menjadi lebih penting lagi kerana sekarang ini terdapat ajaran-ajaran serta pemahaman aqidah yang menyesatkan. Di dalam hal ini, masjid memainkan peranannya yang penting untuk menguatkan aqidah jamaahnya.

Pada zaman Rasulullah s.a.w, baginda memberikan perhatian yang begitu besar dalam masalah ini, dengan menyediakan shuffah atau semacam asrama untuk para sahabat tinggal dan membina aqidah Islamiyah hingga mereka menjadi profil generasi yang saleh. Aqidah yang kuat akan membuat mereka berani dan tenang di dalam menghadapi apa juga cabaran dan tentangan sebagaimana firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَامُوا فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَخْزَنُونَ.

13 الأحقاف:

"Sesungguhnya, orang yang mengatakan: "Tuhanku Allah" kemudian mereka istiqamah, maka tidak ada rasa takut dan tidak pula mereka berdukacita." (Al Ahqaf: 13).

6 - Institusi Keislaman, Pelajaran, Kemasyarkatan dan Kebajikan.

Masjid hendaklah menjadi pusat rujukan dalam masaalah-masaalah kehidupan masyarakat Islam untuk mendapatkan jawapan bagi setiap pertanyaan dari segi keislaman dan juga menjadi pusat kaunselling bagi menyelesaikan berbagai masaalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam pada hari ini.

Masjid juga adalah institusi ilmu untuk kecemerlangan masyarakat Islam. Budaya ilmu ini perlu diluaskan dengan mengadakan kelas-kelas keagamaan dan juga kelas-kelas ilmiah yang lain seperti pelajaran komputer, sains,

mathematic dan lain-lain pelajaran dari peringkat kanak-kanak hingga ke peringkat dewasa. Selain dari itu usaha seperti ceramah forum dialog umum merupakan antara alternatif yang akan mengharmonikan dan menyatu padukan masyarakat Islam.

Masjid juga hendaklah menjadi pusat bantuan kepada mereka yang memerlukan sokongan moral dan material bagi merengangkan beban kewangan dan masaalah gejala sosial yang dihadapi oleh masyarakat Islam pada masa kini.

7 - Mempereratkan Kerjasama Antara Umat

Untuk mewujudkan kemakmuran masjid, serta menjadikan umat Islam sebagai umat yang maju, memerlukan kerjasama erat di kalangan jamaah. Oleh yang demikian, sebagai imam masjid, Rasulullah s.a.w. membentuk perpaduan di kalangan para sahabat yang merupakan jamaah masjid untuk saling bantu membantu di dalam perjuangan menyebar dan menegakkan ajaran Islam.

Dalam rangka membentuk perpaduan jamaah ini, masjid perlu memanfaat dan menggabungkan potensi jamaah dengan sebaik mungkin untuk menyebar dan menegakkan agama Allah yang suci, sebagaimana yang dilakukan oleh baginda Rasulullah s.a.w. Sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفَّا كَانُوكُمْ بُنَيَانٌ مَرْصُوصٌ . الصَّفَّ: 4

4

"Sesungguhnya Allah menyukai orang yang berjuang di jalan-Nya dalam barisan yang teratur, sekan-akan mereka seperti satu bangunan yang tersusun kukuh." (As Saf: 4).

Masjid sebagai tempat ibadah melahirkan gambaran perdamaian dan keagungan Islam sebagai agama yang toleran dengan sesama penganut lain-lain agama. Adalah baik jika masjid dapat membuka pintu kepada mereka yang bukan Islam untuk melawat ke rumah Allah ini agar mereka dapat belajar dan

mengetahui bagaimana umat Islam melakukan sembahyang serta erti seruan azan yang dilaungkan sebelum solat.

Manakala dalam bulan Ramadan pula masyarakat yang bukan Islam hendaklah diberi peluang untuk turut sama berbuka puasa agar mereka dapat rasakan suasana meriah ketika berbuka dalam bulan yang mulia disamping dapat mengetahui akan hikmat dan fadilat puasa.

INSTITUSI MASJID DALAM MEMBENTUK MASYARAKAT CEMERLANG

Masjid selain tempat sujud kepada Allah s.w.t, kegiatan dan aktiviti masjid mencerminkan darjah hubungan antara manusia dengan Allah s.w.t. dan hubungan antara manusia dengan manusia. Sabda Rasulullah s.a.w: "Tempat yang paling dikasihi Allah di suatu negeri ialah masjid-masjid-Nya".

Pada umumnya wajah masjid bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh pentadbirnya. Sumbangan yang aktif dan kreatif dari pentadbir serta sokongan dari masyarakat sekeliling dengan aktiviti yang dijalankan akan memakmurkan masjid tersebut. Dapat dikatakan bahawa fungsi dan penampilan masjid merupakan satu pengukur yang dapat menampilkan imej masyarakat disekeliling.

Firman Allah:

وَلَوْلَا دَفَعَ اللَّهُ النَّاسَ بَعْضَهُمْ بِعَضًا لَهُدَمَتْ صَوَامِعٌ وَبَيْعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدٌ
يُذْكَرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا وَلَيَنْصُرُنَّ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ.

الحج: 40

"Dan sekiranya Allah tidak menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, tentulah telah dirobohkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang-orang yahudi dan masjid-masjid yang di

dalamnya banyak disebut nama Allah. Sesungguhnya Allah pasti menolong orang-orang yang menolong (agama-Nya). Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat Lagi Maha Perkasa.” (Al - Haj: 40)

Masjidil Haram di Makah Al-Mukarramah, Masjidil Aqsa di Baitulmakdis, dan Masjid Annabawi di Madinah Al-Munawarah, ketiga-tiganya mengalami pembaikian dan pembesaran bangunannya dari semasa ke semasa tanpa menjelaskan kedudukakannya sebagai pusat peribadatan, pusat kebudayaan, pusat pengembangan ilmu dan pusat pembinaan umah dengan usaha-usaha fardhu kifayah selanjutnya, di bidang ekonomi dan perusahaan-perusahaan lain yang mencerminkan unggulnya masyarakat Islam yang menjunjung Al-Quran.

Di zaman kegembilangan Islam dulu, umat Islam telah berhasil menjadikan masjid sebagai markas melaksanakan hubungan antara manusia dengan Allah s.w.t. (ibadah) dan hubungan manusia dengan manusia (muamalah). Ini berlaku sejak abad ke 6 Masihi hingga abad ke 13 Masihi selama tujuh abad. Kita masih dapat menyaksikan peninggalan sejarah kegembilangan umat Islam yang lalu itu mampu melampaui batas ruang dan waktu hingga kini.

Umat Islam ketika itu benar-benar telah mengamalkan ibadah dan muamalah atau dalam kata lain fardhu ain dan fardhu kifayah sekaligus tanpa terpisah atau dipisahkan. Ibadah yang mengatur hubungan manusia dengan Allah s.w.t. dan muamalah yang mengatur hubungan manusia dengan manusia. Dengan itu mereka mampu mewujudkan keselamatan dan kesejahteraan seluruh umat.

Sejak 14 abad yang lalu kita menyaksikan pergeseran peranan masjid, iaitu masjid berubah wajah hanya menjadi tempat ibadah fardhu semata-mata, sedangkan muamalahnya lepas dari masjid, hal-hal fardhu kifayah lainnya tidak ada kaitan dengan masjid lagi. Kenyataan ini berterusan sehingga secara sedar atau tidak sedar inilah masa kemunduran umat Islam, yang mengakibatkan sempitnya peranan masjid hingga ke abad ini.

Oleh kerana itu kita harus mengembalikan peranan masjid secara utuh ke arah satu era baru, iaitu sebagai tempat ibadah dan muamalah yang berpedoman kepada Al-Quran dan sunnah.

Di dalam Al-Quran terdapat banyak kandungan ayat-ayat tentang ibadah, muamalah, kemasyarakatan, ekonomi, pengadilan, hubungan si kaya dengan si miskin dan lain-lain. Dengan demikian kesungguhan mengembalikan peranan masjid dengan suatu era baru amat penting. Pemahaman yang keliru terhadap Islam dan bagaimana mengembalikan peranan masjid haruslah dibetulkan hingga masjid kembali berperanan dalam mengembalikan nilai-nilai ukhrawi dan duniawi yang bercorak Islam dan mampu pula berperanan sebagai pengendali perubahan sosial, budaya masyarakat sesuai dengan zaman ini.

KESIMPULAN

Tidak semua masjid melaksana dan menerapkan pola pentadbiran moden. Tidak terlalu sukar untuk merancang kegiatan keagamaan di masjid seperti kelas agama, perbincangan, syarahan atau lain-lain dapat dijalankan hanya terserah kepada pihak pentadbir masjid dan masyarakat sekitaran untuk memakmurkan masjid tersebut. Di samping itu, masalah terbesar yang dihadapi adalah lemahnya sumber daya manusia dalam mengelolakannya dan juga sumber kewangan.

Tetapi sejauh ini, perkembangannya lambat laun menuju ke arah positif. Organisasi belia masjid tumbuh pesat dan dengan semangat baru mereka aktif melaksanakan pelbagai kegiatan. Hal ini patut mendapat sokongan dari para pentadbir masjid yang lain. Antara yang tua dan muda perlu membina dan menjalin komunikasi untuk menghasilkan gabongan yang padu.

Penerimaan sesetengah belia Islam terhadap institusi masjid agak terbatas. Pada mereka fungsi masjid hanyalah sebagai tempat ibadat semata-mata. Semua urusan ibadat perlu disempurnakan di masjid sedangkan perancangan dan kegiatan hidup yang lain difikirkan tidak layak diselesaikan di tempat itu.

Kecenderungan pemikiran demikian mempunyai implikasi bukan sahaja terhadap masjid sebagai satu institusi unggul dalam Islam, malah dalam menentukan maju mundur ummah. Budaya yang menganggap masjid hanya sebagai tempat menunaikan solat perlu dikikis dengan segera dan para remaja serta masyarakat perlu ditanam dengan semangat baru bagi mencari erti sebenar pembinaan sebuah masjid. Usaha-usaha juga perlu dijalankan bagi menarik masyarakat Islam terutamanya para remaja untuk mengunjungi masjid-masjid.

Kita boleh bertukar pandangan dan idea agar peranan masjid yang lebih efektif dan pragmatik dapat dimainkan demi kemajuan dan kesumulatan Islam dan umatnya.

Sesuai dengan kemuliaan dan kebersihannya, masjid adalah tempat paling sesuai untuk sembahyang, ber'i'tikaf, membaca al-Quran, berzikir, bermuhasabah dan sebagainya. Pendek kata kerja mengimarahkan masjid dengan pelbagai bentuk ibadat amatlah dituntut.

Berdasarkan keterangan yang tersebut di atas tadi, maka jelaslah kepada kita bahawa masjid mempunyai fungsi yang besar sebagai institusi masyarakat Islam yang penting untuk membangun jiwa dan keperibadian Islam yang baik. Jawatankuasa pentadbir mesjid mestilah berusaha untuk menarik golongan muda terutama para remaja dengan aktiviti-aktiviti yang dapat menarik minati golongan ini untuk sama-sama dapat memakmurkan masjid.

Islam sangat menggalakkan pembinaan masjid dan mengimarahkannya, Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

مَنْ بَنَى مَسْجِدًا بَنَى اللَّهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ

"Sesiapa yang membina sesebuah masjid, Allah akan membina untuknya sebuah mahligai di dalam syurga".

Allah telah menjadikan masjid tempat yang mulia di sisi-Nya, juga terkenal dengan nama “Baitullah”.

Selain daripada itu, Rasulullah s.a.w. juga menegaskan tentang kelebihan masjid kepada umat Islam terutama sekali kepada golongan pemuda, iaitu antara manusia yang mendapat perlindungan Allah pada hari Qiamat ialah pemuda yang hatinya sentiasa ingat kepada masjid.

Antara kelebihan masjid, Rasulullah s.a.w memberi jaminan kepada orang yang sentiasa sembahyang berjemaah di dalamnya. Sabda baginda yang bermaksud:

“Seorang Muslim yang sentiasa pergi ke masjid untuk sembahyang dan mengingati Allah, Allah amat bergembira dengan kedatangannya sebagaimana ahli keluarga amat gembira dengan kedatangan keluarga yang lain”.

Hadith di atas menerangkan bahawa orang yang mendapat kebaikan daripada masjid ialah mereka yang melakukan amalan soleh dan taqwa. Orang-orang yang seperti itulah juga yang layak dan berhak untuk mendapatkan ganjaran baik daripada Allah terhadap amalan-amalan saleh yang mereka lakukan, kerana Allah telah menyediakan kelebihan pada masjid-masjid. Wallahuallam...